

30 NOV 1996

Ong-Senjata api

KERAJAAN TIDAK BERCADANG TARIK BALIK PEMBEKUAN PERMIT SENJATA API

BANGI, 30 Nov (Bernama) -- Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik pembekuan pemberian permit memiliki senjata api di seluruh negara, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Ong Ka Ting hari ini.

Beliau berkata kerajaan berpendapat bahawa penarikan balik larangan itu tidak perlu kerana ia hanya akan menambah bilangan senjata api di negara ini.

Ong berkata demikian selepas merasmikan majlis perhimpunan Pertahanan Awam Malaysia kali ketiga di Universiti Kebangsaan Malaysia, di sini.

Keputusan untuk membekukan pemberian permit itu dibuat pada April lepas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Dalam Negeri, ekoran penahanan ahli perniagaan Sabah Datuk Alfred Chin kerana dituduh menyeludup senjata api.

Dr Mahathir berkata keputusan itu dibuat kerana ramai pemegang lesen kehilangan senjata api mereka kerana tidak dijaga dengan baik.

Dalam ucapannya, Ong juga menyeru kepada orang awam supaya terus memberikan sokongan terhadap program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Jabatan Pertahanan Awam supaya jabatan ini dapat memainkan peranan dan tanggungjawab dengan lebih berkesan.

Katanya, Jabatan Pertahanan Awam kini terdiri daripada 9,500 anggota yang aktif dan lebih 3,000 anggota kadet. -- BERNAMA

YBK MZ AKD